



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Tahap Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Graduan UIAM, Pagoh

Nur Atikah binti Abdullah¹, Nurul Jamilah Rosly^{1*}

¹Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*E-mel pengarang koresponden: nuruljamilah@iium.edu.my

ABSTRAK

Sintaksis satu cabang ilmu linguistik yang memfokuskan terhadap proses pembinaan ayat. Penguasaan ilmu sintaksis penting dalam menghasilkan ayat yang dapat difahami, gramatis serta lengkap, terdapat beberapa hukum dan peraturan sintaksis yang perlu diterapkan. Secara umumnya, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seharusnya mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang mantap termasuk dalam bidang sintaksis kerana berada di peringkat pengajian tinggi. Namun, berdasarkan kajian-kajian lepas di peringkat IPT, tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan graduan masih ditahap yang sederhana. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Pagoh. Dalam kajian ini, pendekatan analisis kesalahan Corder (1973) akan digunakan untuk menentukan jenis kesalahan sintaksis dalam ayat atau wacana. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah lapangan soal selidik. Sehubungan dengan itu, 20 orang graduan telah dijadikan sebagai responden kajian ini. Responden dikehendaki menjawab borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Berdasarkan daripada keseluruhan data menunjukkan bahawa tahap penguasaan sintaksis graduan berada pada tahap yang berbeza-beza mengikut perihal yang dibincangkan. Tahap penguasaan perihal subjek dan predikat graduan mencatatkan paling lemah berbanding perihal lain. Jenis-jenis kesalahan sintaksis yang dilakukan graduan sama dengan teori analisis kesalahan Corder (1973). Sebilangan besar graduan didapati melakukan kesalahan sintaksis seperti pembentukan struktur ayat yang salah, pengguguran unsur kata yang perlu dan penambahan unsur kata yang tidak perlu.

Kata Kunci: Sintaksis, tahap penguasaan, bahasa Melayu, kesalahan tata bahasa

PENGENALAN

Dalam sistem bahasa, terdapat komponen-komponen seperti sistem ejaan, fonetik, morfologi dan sintaksis. Bidang sintaksis antara komponen dalam sistem bahasa Melayu yang menarik kerana melalui sintaksis dapat dilihat penutur berkemampuan membina ayat-ayat yang gramatis atau sebaliknya. Tokoh awal dalam bidang sintaksis ialah Chomsky (1957) yang turut dikenali sebagai bapa linguistik telah menghasilkan buku bertajuk *Syntactic Structure* (Cahyo Hasanudin, 2018). Dalam pandangan tokoh bahasa di Malaysia, sintaksis dapat didefinisikan sebagai salah satu bidang ilmu dalam bahasa Melayu yang menyentuh mengenai bentuk, struktur dan binaan ayat (Nik Safiah Abdul Karim, 2008). Manakala menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010) pula, sintaksis bermakna salah satu bidang linguistik yang membincangkan peraturan dan susunan kata dalam satu ayat.

Sintaksis dapat disimpulkan sebagai satu cabang bidang linguistik yang memfokuskan terhadap proses pembentukan ayat. Hal ini demikian, pembinaan ayat menyentuh mengenai frasa, klausa serta subjek dan predikat. Penguasaan ilmu sintaksis penting dalam menghasilkan ayat yang dapat difahami, gramatis serta lengkap, terdapat beberapa hukum dan peraturan sintaksis yang perlu diterapkan. Secara umumnya, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang mantap termasuk dalam bidang sintaksis kerana berada di peringkat pengajian tinggi. Namun begitu menurut Awang Sariyan (2010), walaupun pada peringkat SPM (Sijil Tinggi Malaysia) individu memperoleh keputusan 1A, namun keputusan 1A tidak dapat memastikan bahawa pelajar telah menguasai kerangka bahasa dengan secukupnya. Bahkan, masih boleh melakukan kesalahan bahasa Melayu semasa berkomunikasi dan menulis. Jadi, penguasaan ilmu sintaksis penting bagi mengelakkan penggunaan bahasa Melayu yang salah dalam kalangan pelajar IPT.

PERNYATAAN MASALAH

Pada dasarnya, kajian tahap penguasaan dan kajian analisis kajian dijalankan bagi mengukur penguasaan bahasa Melayu yang betul secara realistik. Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati bahawa penggunaan bahasa Melayu yang betul, iaitu mengikut sistem bahasa dalam kalangan pelajar dan graduan masih berada pada tahap yang sederhana. Isu untuk kajian kes ini turut timbul ikutan penggunaan bahasa Inggeris yang kukuh di UIAM sebagai bahasa pengantaraan. Terdapat juga beberapa subjek yang perlu diambil semua graduan tanpa mengira jurusan dan dipelajari dalam bahasa Inggeris seperti subjek kokurikulum. Di samping itu, program-program di kampus Pagoh juga banyak dikendalikan dalam bahasa Inggeris sesuai dengan peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi UIAM.

Secara menyeluruh, persekitaran graduan di UIAM, kampus Pagoh masih memberi penumpuan dan penekanan terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Kewujudan papan tanda di kampus juga masih mengutamakan bahasa Inggeris. Dalam pada itu, sebarang urusan kampus seperti pendaftaran subjek menggunakan bahasa Inggeris. Kajian rintis yang dilakukan mendapati majoriti graduan mempunyai kemahiran berbahasa Melayu terutama dalam komunikasi harian tetapi masih mempunyai pengaruh bahasa Inggeris. Penumpuan dan penekanan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan graduan di UIAM kampus Pagoh yang menekankan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap penguasaan dan pemahaman bahasa Melayu. Rentetan itu, graduan berisiko untuk menuturkan dan mengamalkan bahasa Melayu yang tidak menepati hukum bahasa sebenar. Perkara ini boleh mencetuskan isu bahasa seperti percampuran kod dalam kalangan graduan. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti penguasaan sintaksis bahasa Melayu dan membincangkan jenis kesalahan sintaksis bahasa Melayu yang dilakukan oleh graduan khususnya di UIAM, kampus Pagoh.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian oleh Zamri Mahamod et al. (2017) melibatkan seramai 1000 pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia secara rawak. Hal ini demikian, subjek kajian dipilih seramai 200 pelajar daripada setiap Universiti Awam tersebut. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri dalam kalangan graduan. Manakala secara spesifiknya, kajian ini dijalankan berpandukan dua objektif, iaitu mengenal pasti perbezaan tahap jati diri Bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan dalam mengikut lima Universiti Awam yang dikaji. Seterusnya, objektif kedua ialah mengenal pasti perbezaan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri Bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan di lima Universiti Awam yang dikaji. Penyelidik telah menjalankan kajian dengan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif. Maklumat daripada pelajar Program Sarjana Muda Pendidikan di lima buah Universiti Awam diperolehi melalui pendedaran soal selidik. Soal selidik kajian ini telah dihasilkan berdasarkan rujukan instrumen-instrumen kajian lepas dan telah diubah suai bagi menepati kehendak kajian. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik kajian, iaitu bahagian A yang memuatkan demografi pelajar dan bahagian B yang bertujuan mengkaji tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri Bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan ini yang mengandungi 36 item. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dilihat pelajar UM paling kurang tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Bahasa Melayu berbanding pelajar Universiti awam yang lain. Dalam pada itu, pelajar USM mencatatkan tahap tahap

jati diri Bahasa Melayu yang paling tinggi dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji. Konklusinya pula, kajian ini membuktikan penekanan penggunaan bahasa Inggeris di universiti secara langsung atau tidak langsung meninggalkan kesan terhadap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Kajian yang dijalankan oleh Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar (2020) pula mengenal pasti kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan dalam karangan murid dan menganalisis kesalahan imbuhan dan hubung kaitnya dari segi makna gramatikal. Penyelidik mengaplikasikan prosedur Analisis Kesalahan Corder (1973) untuk mengenal pasti kesalahan imbuhan dan menganalisis makna gramatikal untuk memberi justifikasi hubung kait kesalahan imbuhan dengan makna ayat. Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi. Hal ini demikian, beberapa pendekatan kajian yang berbeza-beza diintegrasikan dalam kajian bagi memperoleh data. Kaedah kuantitatif digunakan bagi mencapai objektif pertama, iaitu mengenal pasti penggunaan imbuhan dalam karangan murid. Bagi memenuhi kehendak objektif kedua pula, kaedah kualitatif telah diterapkan untuk menganalisis kesalahan imbuhan dan hubung kaitnya dari makna gramatikal. Data daripada kaedah kualitatif dianalisis secara deskriptif dan terperinci. Responden kajian terdiri daripada 30 orang murid tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan. Instrumen kajian ini ialah buku catatan dan borang maklum balas. Buku catatan diguna pakai sebagai data tinjauan awal kajian, manakala borang maklum balas adalah 30 sampel teks karangan yang dihasilkan oleh murid. Sebanyak lima soalan karangan dikemukakan untuk dipilih oleh murid. Hasil penulisan karangan murid dianalisis satu persatu dengan empat tahap. Penyelidik akan mulakan dengan membaca, menyemak, mengenal pasti dan seterusnya menyenaraikan kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan. Dapatan kajian memperlihatkan terdapat banyak kesalahan imbuhan terutama imbuhan yang digunakan terhadap kata kerja dengan 41 kesalahan. Dalam pada itu, kesalahan penggunaan imbuhan bagi kata adjektif mencatatkan paling sedikit dengan hanya satu kesalahan sahaja. Kesimpulannya, sebarang kesalahan dalam proses pengimbuhan akan memperlihatkan kesan terhadap perubahan makna gramatikal dan makna konteks satuan ayat. Ringkasnya, penggunaan imbuhan yang salah akan menghasilkan ayat dalam makna yang menyimpang.

Kajian sintaksis seterusnya oleh Siti Khodijah Che Mee (2020) dengan objektif untuk mengenal pasti tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu dan menganalisis kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar tahun akhir major Bahasa dan Linguistik Melayu. Responden kajian melibatkan 50 orang pelajar tahun akhir Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. Hal ini demikian, penguasaan pelajar dalam bidang sintaksis masih sederhana berdasarkan tinjauan awal di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi mendapati bahawa. Dalam tinjauan secara kasar itu mendapati bahawa, kebanyakan daripada

pelajar tahun akhir tidak menguasai komponen bahasa Melayu yang dipelajari dan hanya mengambil subjek bahasa untuk memenuhi kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti. Metodologi yang diguna pakai oleh penyelidik adalah kajian tinjauan, kaedah soal selidik dan temu bual. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan borang soal selidik yang meliputi tentang subjek dan predikat ayat, pola-pola ayat, ayat majmuk dan jenis ayat. Data yang dikumpulkan daripada borang soal selidik dikira dalam peratusan dan dipaparkan dalam bentuk graf. Graf tersebut dihuraikan secara deskriptif. Kemudian, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar tahun akhir yang mengambil jurusan bahasa dan linguistik Melayu masih berada dalam tahap sederhana. Kebanyakan pelajar menguasai penggunaan bahasa dengan baik tetapi tidak menguasai jenis kata, frasa, klausa, dan ayat. Penggunaan hukum bahasa yang betul masih pada tahap sederhana.

Seterusnya, kajian pemerolehan sintaksis bahasa Melayu dijalankan dengan melibatkan responden kanak-kanak berusia lima tahun yang dijalankan oleh Burhan Murshidi Baharon, Karim Harun & Rusydiah A. Salam (2021). membincangkan pemerolehan aspek sintaksis dengan memberi tumpuan kepada jenis dan pola ayat bahasa Melayu berdasarkan pendekatan Teori Mentalis. Teori mentalis menjelaskan bahawa kanak-kanak yang lahir ke dunia telah dibekalkan dengan alat pemerolehan bahasa atau LAD (*Language Acquisition Device*). Kemudian, aliran mentalis berpendapat bahawa sistem sintaksis kanak-kanak dapat dikuasai menerusi proses penyesuaian. Secara jelasnya, responden kajian ini adalah seorang kanak-kanak perempuan yang berusia lima tahun. Responden merupakan seorang kanak-kanak yang dikategorikan sebagai penutur natif bahasa Melayu yang belajar di Tadika Tunas Permata, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Para penyelidik memperoleh data kajian berdasarkan aktiviti bersama responden, iaitu aktiviti mewarna dan aktiviti bercerita. Dalam aktiviti bercerita, pengkaji akan menunjukkan sekeping gambar dan meminta responden bercerita berdasarkan gambar tersebut. Manakala dalam aktiviti mewarna, responden diminta bercerita sambil melakukan aktiviti mewarna. Pengkaji menggunakan kaedah rakaman dengan menggunakan telefon pintar. Hasil kajian menunjukkan jenis ayat penyata paling banyak digunakan oleh kanak-kanak semasa usia lima tahun berbanding ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Kesimpulannya, berdasarkan pendekatan Teori Mentalis, perkembangan penguasaan bahasa kanak-kanak tersebut dipengaruhi dengan adanya satu alat di dalam minda sejak lahir lagi ataupun semula jadi.

Kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod et al. (2021) berpaksikan dua objektif, iaitu meneroka dan menganalisis tahap penguasaan kemahiran membaca murid-murid B40 dalam pembelajaran bahasa Melayu. Manakala, objektif kedua merupakan meneroka dan menganalisis tahap penguasaan kemahiran menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Perkara ini selari dengan matlamat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bahasa Melayu, iaitu menyediakan murid yang mampu berbahasa dan berkomunikasi untuk keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial sehari-harian. Kajian ini berbentuk kajian yang diaplikasikan terhadap pelbagai tempat (single case multiple site) (Yin 2012; Creswell 2008). Hal ini demikian, kajian ini hanya dijalankan ke atas murid yang tidak tahu atau kurang lancar membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dalam kalangan keluarga B40. Murid-murid yang terlibat adalah murid tingkatan 1 daripada dua buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) di dalam daerah Hulu Langat. Terdapat tiga instrumen kajian yang diaplikasikan dalam kajian, iaitu soalan temu bual, ujian membaca dan ujian menulis. Soalan temu bual berstruktur terdiri daripada (i) latar belakang murid B40, (ii) bagaimana murid mewujudkan persekitaran bahasa Melayu, (iii) bagaimana murid membina keyakinan menggunakan bahasa Melayu, dan (iv) dan bagaimana murid membina pembangunan sendiri dan pembelajaran. Seterusnya, ujian membaca menggunakan teks bacaan yang seragam iaitu, teks bertajuk “Remaja dan Kebersihan Diri”. Ujian membaca tidak hanya terhenti di situ, malahan murid diminta menjawab tiga soalan pemahaman bagi menguji tahap pemahaman murid selepas membaca teks yang disediakan. Kemudian, ujian menulis pula persis ujian membaca dengan diminta menulis karangan pendek dengan jumlah perkataan antara 50 hingga 80 patah perkataan. Dapatan kajian mencatatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis responden terlibat adalah sangat terhad. Berdasarkan tinjauan, hasil kajian ini mempunyai kolerasi dengan faktor keluarga. Intihannya, murid-murid ini sering gagal dalam mata pelajaran lain juga kerana tidak mempunyai kemahiran membaca yang kukuh.

METODOLOGI

Subjek Kajian

Kajian ini mengkhususkan dalam kalangan graduan di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan UIAM, kampus Pagoh. Selain itu, responden dipilih dalam kalangan graduan berbangsa Melayu sahaja. Hal ini demikian, menetapkan bangsa responden bagi mengelakkan pengaruh bahasa pertama selain bahasa Melayu.

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah kes merupakan kajian yang melibatkan proses kajian lapangan.

Borang Soal Selidik

Dalam kajian ini, borang soal selidik disebarikan secara talian kepada para graduan UIAM, kampus Pagoh. Seramai 20 responden yang menjawab soal selidik dan terdiri daripada 5 orang mewakili setiap jurusan, iaitu MLCOM,

TMGT, ENCOM dan ARCOM. Menurut Mohd Majid (2005), soal selidik merupakan instrumen kajian yang amat sesuai digunakan kerana soal selidik bersifat praktikal dan berkesan untuk populasi yang besar. Soal selidik yang diguna pakai dalam kajian ini adalah hasil adaptasi dan diubah suai daripada inventori kajian yang disediakan oleh Siti Khodijah Che Mee (2020) dan disesuaikan dengan kajian ini.

Ujian Menulis

Ujian bertulis diberikan kepada para graduan UIAM, kampus Pagoh secara dalam talian. Para graduan diminta menulis karangan pendek yang hanya mengandungi 40-60 jumlah patah perkataan. Tajuk karangan pendek yang ditetapkan ialah “Sejauhmanakah penggunaan bahasa Inggeris di UIAM mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu graduan?”. Seterusnya, penulisan karangan pendek graduan akan dibaca, disemak, dianalisis secara sintaksis dan disenaraikan kesalahan sintaksis.

Temu Bual

Temu bual merupakan data pengukuhan untuk kajian ini. Seramai empat orang graduan terlibat dalam temu bual. Graduan yang ditemu bual terdiri daripada jurusan yang berbeza dan berada di tahun akhir sahaja. Jawapan temu bual digunakan oleh pengkaji sebagai penegasan di kesimpulan bagi menyokong hasil dapatan kajian.

Kaedah Penganalisan Data

Menurut Creswell (2008) dan Merriam (2001), penganalisan data adalah proses untuk mengemas, menstrukturkan dan memberi makna kepada data yang dikumpul. Bagi mencapai objektif kedua kajian, iaitu membincangkan jenis kesalahan sintaksis bahasa Melayu yang dilakukan oleh graduan UIAM, kampus Pagoh, data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan pendekatan teori analisis kesalahan Corder (1973). Teori analisis Kesalahan Corder (1973) mengemukakan empat faktor kesalahan bahasa. Faktor kesalahan bahasa yang dikemukakan adalah esalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, penggunaan kata hubung yang tidak tepat, ketiadaan penggunaan tanda baca, dan kesalahan pemilihan kosa kata. Setiap penulisan karangan oleh graduan akan disemak satu persatu. Setiap kesalahan sintaksis daripada aspek kesalahan pola-pola ayat, ayat majmuk dan ragam ayat akan dikenal pasti dan disenaraikan. Bagsebagai rujukan dan panduan. Data yang dikumpul akan dianalisis secara kualitatif bagi membincangkan jenis kesalahan sintaksis yang wujud berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973).

DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memfokus kajian ditetapkan pada bahagian subjek dan predikat, ayat majmuk dan ragam ayat. Di samping itu, tahap penguasaan sintaksis reponden kajian ini diuji melalui instrumen borang soal selidik yang terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu bahagian (A) subjek dan predikat, bahagian (B) ayat majmuk dan bahagian (C) ragam ayat.

Subjek dan predikat

Jadual 1: Rekod maklum balas graduan mengenai pasti subjek dan predikat dalam sesebuah ayat

No.	Soalan	Betul (Peratus)	Salah (Peratus)
1	Semua orang mengetahui bahawa tuduhan itu fitnah belaka.	0 (0%)	20 (100%)
2	Bahawa kenyataan itu salah tidak dapat dinafikan lagi.	0 (0%)	20 (100%)
3	Apa yang terjadi masih menjadi kenangan.	15 (75%)	5 (25%)

Jadual 1 di atas dapat dilihat majoriti graduan tidak dapat menyatakan subjek yang betul dalam ayat yang diberikan. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada graduan yang menyatakan subjek yang betul bagi ayat yang pertama dan kedua. Perkara ini menunjukkan graduan masih tidak dapat mengenal pasti subjek dengan tepat dalam sesetengah ayat, walhal subjek dan predikat merupakan rangka utama dalam pembentukan sesebuah ayat.

Soalan 1: Semua orang mengetahui bahawa tuduhan itu fitnah belaka.

Majoriti graduan mengenal pasti subjek ayat pertama adalah “*semua orang*” dan seorang graduan mengeluarkan frasa “*fitnah*” sebagai subjek ayat pertama. Pemisahan subjek dan predikat dalam ayat pertama dibantu oleh kata hubungan komplemen iaitu “*bahawa*”. Kata hubungan komplemen hadir dalam ayat dan berfungsi sebagai unsur predikat ayat yang menyempurnakan subjek. Subjek ayat pertama ialah klausa “*semua orang mengetahui*” dan klausa itu merupakan klausa tidak bebas serta memerlukan klausa lain sebagai pelengkap ayat. Jadi, klausa “*bahawa tuduhan itu fitnah belaka*” telah bertindak sebagai unsur predikat yang menyempurnakan klausa tidak bebas.

Soalan 2: Bahawa kenyataan itu salah tidak dapat dinafikan lagi.

Persis dengan ayat pertama, kata hubung komplemen yang wujud dalam ayat ialah “*bahawa*”. Namun begitu, kedudukan kata hubung komplemen “*bahawa*” dalam ayat ini hadir di awal ayat. Bagi ayat ini, sebilangan besar graduan dengan 10 daripada 20 graduan telah memilih frasa “*kenyataan*” sebagai predikat. Tetapi

subjek yang dikeluarkan oleh graduan adalah salah kerana bukan merupakan unsur utama, sebaliknya klausa “*Bahawa kenyataan itu salah*” adalah subjek sebenar dan klausa “*tidak dapat dinafikan lagi*” pula adalah predikat.

Soalan 3: Apa yang terjadi masih menjadi kenangan.

Klausa “*Apa yang terjadi*” ialah subjek bagi ayat dan bertindak sebagai ayat inti untuk menjelaskan sesuatu. Seterusnya, klausa “*masih menjadi kenangan*” berperanan sebagai predikat ayat. Di samping itu, dalam ayat ini terdapat kata kerja tak transitif dengan pelengkap iaitu “*menjadi*” yang memerlukan pelengkap ayat bagi menyempurnakan ayat.

Ayat Majmuk

Jadual 2: Peratusan graduan memilih kata hubung dalam ayat

No.	Soalan	Betul (Peratus)	Salah (Peratus)
1	Mereka bangun <u>lalu/dan</u> turun ke serambi.	20 (100%)	0 (0%)
2	Ayahnya banyak pengalaman <u>lagi/kerana</u> besar pengaruhnya.	12 (60%)	8(40%)
3	Mereka tetap akan bermain <u>sekalipun/dalam</u> hujan lebat.	20 (100%)	0 (0%)
4	Beliau mengetahui <u>bahawa/yang</u> dia telah bersara.	17 (85%)	3(15%)
5	Dia tidak menyiapkan tugas <u>kerana/sebab</u> dia tidak sihat.	20 (100%)	0 (0%)

Berdasarkan penelitian Jadual 2, dapat dinyatakan bahawa graduan menguasai aspek ayat majmuk dengan baik. Hanya terdapat sebilangan graduan yang salah dalam memilih kata hubung yang sesuai untuk ayat majmuk tertentu. Kesalahan dilakukan oleh graduan dalam ayat 2 dan ayat 4 dengan masing-masing 40% dan 15% kesalahan direkodkan.

Soalan 2: Ayahnya banyak pengalaman lagi/kerana besar pengaruhnya.

Perkataan “*lagi*” tergolong dalam kata tugas tetapi berfungsi sebagai kata hubung dalam ayat 2. Dalam ayat 2, penggunaan kata hubung “*lagi*” lebih tepat berbanding “*kerana*”. Menurut Abdul Ghalib Yunus (2012), perkataan “*lagi*” dalam ayat berfungsi sebagai kata hubung yang digunakan untuk menguatkan atau menegaskan kata-kata sebelum ini. Manakala, perkataan “*kerana*” pula berperanan sebagai kata hubung yang menerangkan sebab berlakunya sesuatu. Perkataan “*kerana*” boleh digunakan sebagai kata hubung dalam ayat majmuk pancangan keterangan bagi golongan ayat keterangan musabab.

Soalan 4: Beliau mengetahui bahawa/yang dia telah bersara.

Ayat 4 merupakan ayat majmuk pancangan. Kedua-dua kata hubung yang diberikan juga hadir dari kata hubung pancangan tetapi dari kategori yang berbeza. Perkataan *bahawa* ialah kata hubung komplemen yang digunakan untuk menghubungkan dua ayat untuk menjadi satu maksud, manakala perkataan “*yang*” adalah kata hubung relatif yang berfungsi untuk menggantikan unsur yang digugurkan daripada frasa nama. Jadi, perkataan *bahawa* merupakan jawapan yang tepat bagi ayat di atas kerana ayat di atas terdiri daripada dua ayat iaitu ayat induk dan ayat komplemen.

Ragam dan Jenis Ayat

Jadual 3: Jawapan oleh graduan

No.	Soalan	Betul	Salah
1	Jaga buku-buku ini.	19 (95%)	1 (5%)
2	Nabela membaca komik.	20 (100%)	0 (0%)
3	Masih bersenam atlet-atlet itu.	15 (75%)	5 (25%)
4	Untuk cikgu bunga ros itu.	14 (70%)	6 (30%)
5	Comel kucing saya.	15 (75%)	5 (25%)
6	Tolong jaga diri.	19 (95%)	1 (5%)

Jadual 3 menunjukkan bilangan dan peratusan pemilihan ragam dan jenis ayat oleh graduan. Secara keseluruhannya, majoriti graduan menguasai ragam dan jenis ayat dengan cemerlang. Ini kerana peratusan paling tinggi yang mengenal pasti ragam dan jenis ayat dengan salah hanya 30%.

Ayat pertama merupakan ayat perintah. Ayat *Jaga buku-buku ini.* telah digugurkan subjeknya dengan tujuan memberi arahan agar melakukan sesuatu setelah ayat diujarkan. Sebanyak 95% graduan telah menjawab dengan betul dan hanya 5% yang mengenal pasti ayat pertama sebagai ayat permintaan. Namun begitu, jawapan graduan adalah salah kerana tiada perkataan yang menggambarkan meminta tolong.

Bagi ayat ketiga dan kelima pula, kedua-dua jawapan kesalahan ayat mencapai 25%, manakala ayat keempat merekodkan peratusan kesalahan paling tinggi dengan 30%. Sementelahan itu, jawapan ragam ayat songsang ialah jawapan yang betul bagi ayat ketiga, keempat dan kelima.

Kesalahan Binaan Struktur Ayat

Dalam bahagian akhir borang soal selidik, graduan diminta untuk menjawab soalan subjektif dalam bentuk teks ringkas. Soalan yang diajukan ialah *Sejauhmanakah penggunaan bahasa Inggeris di UIAM mempengaruhi tahap*

penguasaan bahasa Melayu graduan?. Secara keseluruhannya, graduan menulis teks ringkas dengan baik tetapi masih terdapat beberapa kesalahan sintaksis yang perlu ditekankan.

Jadual 4: Contoh kesalahan binaan struktur ayat

Data	Contoh kesalahan	Pembetulan
Data 1	Uiam menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa rasmi universiti, pelajar yang mengambil jurusan bahasa pula seperti pelajar kuliah bahasa dan pengurusan seperti bahasa arab, melayu atau inggeris perlu memahami dengan mendalam bahasa yang mereka dan dalam pada masa yang sama mereka juga perlu mendaftar juga subjek elektif yang terdiri daripada bahasa asing contohnya bahasa jepun, mandarin, perancis ataupun korea .	UIAM menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi universiti. Bagi pelajar yang berada di kuliah bahasa dan pengurusan, mereka perlu menguasai dan mendalami bahasa dalam jurusan masing-masing. Tetapi tidak hanya itu, mereka juga harus mendaftar subjek bahasa asing sebagai subjek elektif seperti bahasa Jepun, Mandarin, Perancis mahupun Korea.
Data 2	Disebabkan itu, para graduan <u>lebih banyak menggunakan bahasa inggeris dalam kehidupan seharian berikutan kesan daripada perkara tersebut sekaligus</u> menyebabkan mereka tidak dapat menguasai penggunaan bahasa ibunda dengan cemerlang.	Kesan daripada perkara tersebut, para graduan lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Hal ini juga sekaligus menyebabkan mereka semakin kurang menguasai bahasa ibunda dengan cemerlang.

Dalam Data 1, ayat yang ditulis oleh graduan adalah sangat tidak gramatis. Hal ini demikian, graduan mencampuradukkan berbagai-bagai perkara dalam satu ayat dengan satu noktah sahaja. Perkara ini bertentangan dengan konsep sintaksis bahasa Melayu yang mengutamakan struktur ayat yang lengkap dan gramatis termasuk mesra intonasi. Dalam pada itu, ayat yang panjang lebar sering kali sukar difahami dan boleh mengakibatkan gangguan komunikasi. Isi dan mesej yang ingin disampaikan akan menjadi kabur dan ayat tidak relevan. Oleh itu, binaan struktur ayat yang baik penting dengan menggunakan kata hubung dan tanda baca yang sesuai. Berdasarkan teori analisis kesalahan Corder, graduan melakukan kesalahan faktor *errors* dalam Data 1. Kesalahan *errors* terjadi kerana graduan masih belum menguasai sistem bahasa dengan betul hingga berlaku penyimpangan pemakaian bahasa daripada struktur bahasa baku. Antara kesalahan *errors* yang dilakukan adalah penggunaan akronim yang betul. Ejaan *Uiam* sepatutnya ditulis semua dalam huruf besar, iaitu *UIAM* kerana merupakan akronim kata nama khas. Selain daripada memberi tumpuan mengenai

penggunaan kata hubung, graduan juga haruslah menguasai binaan ragam ayat. Dalam Data 2, graduan menggunakan ragam ayat songsang tetapi dalam susunan yang salah. Pembetulan bagi Data 2 juga memperlihatkan faktor penambahan unsur yang tidak perlu dalam ayat. Dalam erti kata lain, pelajar tidak memahami dengan lebih jelas binaan struktur ayat yang tepat dalam penulisan menyebabkan kesalahan sintaksis berlaku.

Kesalahan Pemilihan Kosa Kata

Bahagian ini membincangkan kesalahan pemilihan kosa kata oleh graduan dalam teks ringkas. Dalam penulisan formal, selain menggunakan bahasa Melayu baku, pemilihan kosa kata yang tepat juga adalah perlu. Hal ini demikian, pemilihan kosa kata yang salah akan memberikan kesan negatif terhadap ayat. Antara impak negatif yang boleh terjadi adalah ayat yang dibina tidak lengkap, mesej tidak sampai dan tidak gramatis. Dalam pada itu, sebilangan graduan berpendapat bahawa keupayaan untuk menterjemah sesetengah kosa kata bahasa Inggeris ke bahasa Melayu adalah sukar. Perkara ini turut terjadi akibat penekanan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di UIAM. Kesannya, graduan lebih terdedah dengan kosa kata bahasa Inggeris sehingga tidak cakna dengan sesetengah kosa kata bahasa Melayu.

Jadual 5: Kesalahan pemilihan kosa kata

Data	Kesalahan	Pembetulan
Data 1	Pada umumnya, UIAM menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa perantara dalam pembelajaran.	Secara umumnya, UIAM menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara dalam pembelajaran.
Data 2	Oleh itu, bahasa Melayu masih diguna pakai oleh para pelajar secara biasa, tidak kira semasa waktu pembelajaran mahupun di luar kelas.	Oleh itu, bahasa Melayu masih diguna pakai oleh para pelajar seperti biasa, iaitu tanpa mengira untuk pembelajaran ataupun di luar kelas.
Data 3	Ini disebabkan oleh faktor yang lebih besar ialah faktor keinginan pelajar (the will in choosing the language/ their choice of words in Malay language) sama ada untuk menggunakan bahasa Melayu secara betul atau tidak dalam kehidupan keseharian .	Ini disebabkan oleh faktor yang lebih besar, iaitu faktor keinginan pelajar sama ada ingin menggunakan bahasa Melayu dengan betul atau tidak dalam kehidupan seharian.
Data 4	Pada masa kini, saya melihat bahawa pengaruh bahasa Inggeris	Pada masa kini, saya melihat bahawa pengaruh bahasa Inggeris sangatlah

	sangat lah mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu.	tinggi terhadap tahap penguasaan bahasa Melayu.
Data 5	Pada pandangan saya, penggunaan bahasa inggeris di uiam banyak memberikan kesan dan impak negatif kepada penguasaan bahasa melayu dalam kalangan graduan.	Pada pandangan saya, penggunaan bahasa Inggeris di UIAM banyak memberikan kesan negatif kepada penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan graduan.
Data 6	ini kerana, mengambil kira penggunaan bahasa inggeris yang menajdi bahasa pengantar utama Uni telah menyebabkan seseorang pelajar itu terbiasa dengan istilah-istilah bahasa Inggeris sekaligus telah menyebabkan mereka bertutur dengan bahasa rojak.	Hal Ini kerana, ia mengambil kira penggunaan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa pengantar utama di universiti dan menyebabkan seseorang pelajar terbiasa dengan istilah-istilah bahasa Inggeris lalu menyebabkan mereka bertutur dengan bahasa rojak.
Data 7	Saya tadi pun ada guna google untuk cari info² untuk subjek & predikat.	Saya tadi pun ada menggunakan <i>google</i> untuk mencari informasi mengenai subjek dan predikat.

Jadual 5 menunjukkan kesalahan-kesalahan pemilihan kosa kata yang didapati dalam teks ringkas graduan. Antara kesalahan pemilihan kosa kata yang dilakukan oleh graduan adalah pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu dan penyusunan unsur yang salah.

Data 1 menunjukkan graduan menggunakan perkataan *pada umumnya*, yang sewajarnya digantikan dengan *Secara umumnya*, yang sesuai diletakkan pada pangkal ayat. Hal ini juga sama dengan kesalahan dalam Data 2. Di samping itu, kesalahan dalam Data 3 terdapat penambahan unsur yang tidak perlu. Penerangan tambahan dalam bahasa Inggeris adalah tidak perlu, sebaliknya ayat dalam Data 3 perlu dimurnikan. Seterusnya dalam Data 4, graduan melakukan kesalahan pemilihan kosa kata diawal ayat. Sementara itu, teks dalam Data 5 melakukan penambahan unsur yang tidak perlu. Graduan boleh menggugurkan salah satu perkataan sama ada *impak* atau *kesan*. Hal ini demikian, kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud yang sama.

KESIMPULAN

Tuntasnya, berdasarkan daripada keseluruhan data objektif 1 menunjukkan bahawa tahap penguasaan sintaksis graduan berada pada tahap yang berbeza-beza mengikut perihal yang dibincangkan. Tahap penguasaan perihal subjek dan predikat graduan mencatatkan paling lemah berbanding perihal lain. Namun begitu, kegagalan graduan mengenal pasti subjek berlaku apabila ayat yang dinyatakan mempunyai kata hubung komplemen *bahawa*. Dalam pada itu, dalam objektif kedua, jenis-jenis kesalahan sintaksis yang dilakukan graduan

sama dengan teori analisis kesalahan Corder (1973). Sebilangan besar graduan didapati melakukan kesalahan sintaksis seperti pembentukan struktur ayat yang salah, pengguguran unsur kata yang perlu dan penambahan unsur kata yang tidak perlu. Impaknya, teks jawapan ringkas oleh graduan tidak gramatis dan menggambarkan tahap penguasaan sintaksis yang agak sederhana. Jadi, mengikut data yang diperolehi, graduan mempunyai tahap penguasaan sintaksis yang baik tetapi boleh dipertingkatkan lagi agar tidak terus merosot.

Natijahnya, penekanan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di UIAM, kampus Pagoh memberi gangguan utama terhadap tahap penguasaan bahasa Melayu graduan. Dalam temu bual, seorang responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Responden itu yang bersetuju bahawa menyatakan *Penekanan penggunaan bahasa Inggeris seperti dalam aktiviti-aktiviti dan sistem universiti, sedikit sebanyak mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu saya. Saya kurang menggunakan bahasa Melayu termasuk dalam perbualan harian*. Tetapi tahap penguasaan sintaksis yang sederhana dalam kalangan graduan UIAM, kampus Pagoh bukan semata-mata merupakan kesan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar universiti sahaja.

Terdapat juga beberapa asbab lain yang dikenal pasti persis dengan pendapat salah seorang responden temu bual yang menyatakan *Antara faktor lain tahap penguasaan sintaksis yang lemah ialah graduan memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris melebihi bahasa Melayu dalam kehidupan seharian*". Sikap graduan yang lebih memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris akan mengganggu perkembangan bahasa Melayu dengan sistem bahasa yang betul. Hal ini demikian, tahap penguasaan sintaksis graduan yang rendah bukan sepenuhnya kesan daripada pentadbiran universiti tetapi sikap graduan itu sendiri. Perkara ini juga disokong oleh salah seorang responden temu bual yang mengambil jurusan bahasa Inggeris di UIAM, kampus Pagoh. Katanya "*Saya akui saya lebih selesa berkomunikasi dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Ini kerana adakalanya terdapat beberapa istilah dalam bahasa Melayu yang saya tidak tahu kerana banyak didedahkan dalam bahasa Inggeris. Kesannya, saya menggunakan bahasa rojak ketika berkomunikasi*". Berdasarkan pendapat responden itu, dapat disimpulkan graduan tidak mempunyai inisiatif untuk menambah pengetahuan istilah dalam bahasa Melayu, malahan mengaplikasikan percampuran bahasa dalam komunikasi.

RUJUKAN

Awang Sariyan. (2010). *Kursus Bahasa Melayu Wajib kepada pelajar Asing: Mengharap Susulan Konkrit*. Retrieved from <http://kembarabahasa.blogspot.my>

- Buku tatabahasa asas.* (2016). Kuala Lumpur: Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia.
- Burhan Murshidi Baharon, Karim Harun & Rusydiah A Salam. (2021). Pemerolehan Sintaksis Bahasa Melayu Dalam Kalangan Kanak-Kanak Berusia Lima Tahun. *Jurnal Melayu*, 314-328.
- Chomsky, N. (1957). *Syntactic Structures*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Corder S.P. (1973). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational reasearch: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River: Pearson Education.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Indhumathy alp Munusamy. (2013, Mei). Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar peralihan di tiga buah sekolah di daerah Skudai. Falkuti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamilah Syed Ahmed. (2004). *Konsep Melayu, Perjuangan & kemunduran dalam Sajak-sajak Mohamed Latif Mohamed: Satu Analisis Makna*. Akedemi Pengajian Melayu: Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat.* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Franciso, CA: Jossey-Bass.
- Nana S.S. (2005). *Metod Penyelidikan Pendidikan*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Nik Safiah Karim. (2008). *Tatabahasa dewan (Edisi ketiga.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama bahasa Melayu sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. (2015, Julai 22). *Bahasa Melayu wujud abad ke 7 masihi*. Retrieved from UKM Portal Berita: https://www.ukm.my/news/Latest_News/bahasa-melayu-wujud-pada-abad-ke-7-masihi-prof-emeritus-nik-safiah/

- Nur Farakhanna Mohd Rusli, Nurul Adzwa & Norfaizah Abdul Jobal. (2020). Analisis Kesalahan Imbuhan Dalam Penulisan Karangan Pelajar dan Hubung Kait dari Segi Makna Gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 77-90.
- Ruminah Haji Sabran & Rahim Syam. (1985). *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Khodijah Che Mee. (2020). Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 59-73.
- Tatabahasa Dewan*. (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilhem Von Humboldt. (1969). *On language*. New York.
- Zamri Mahamod, Alizah Lambri & Nik Mohd Rahimi. (2020). Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Jati Diri Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 27-36.
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazlan & Norziah Amin. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal bahasa Melayu*, 40-62.